

Umum dua dana baru kejutkan MEF

KUALA LUMPUR 25 Mac –
Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) berkata, pengumuman pengwujudan dua dana baharu bagi pencen dan pemberhentian pekerja sektor swasta oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S.Subramaniam baru-baru ini sebagai suatu yang mengejutkan.

MEF dalam kenyataannya di sini berkata, ini kerana tiada perbincangan sebelum ini berhubung perkara itu antara kementerian, persekutuan dan mereka yang berkepentingan sebelum pengumuman tersebut.

Menurut MEF, penubuhan dana berkenaan akan memberi kesan ketara terhadap kos menjalankan perniagaan.

“Majlis MEF terkejut dengan pengumuman bahawa kementerian kini dalam proses memperkenalkan dana pemberhentian kerja untuk pekerja sektor awam kerana dana yang dicadangkan itu masih dalam perbincangan dan belum mencapai kata putus mengenai isu itu,” katanya. -

BERNAMA